

08 JAN 1999
Azmi-Setinggalan
KEMENTERIAN KESAL TINDAKAN PEMAJU

KANGAR, 8 Jan (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kesal dengan tindakan syarikat pemaju perumahan di Kampung Murni, Ampang Campuran, Selangor kerana meneruskan kerja-kerja merobohkan rumah setinggalan pada bulan Ramadan.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Azmi Khalid berkata, pemaju terbabit telah diminta supaya lebih bertolak ansur kerana kebanyakan penduduk sedang dalam persiapan menyambut Hari Raya.

Mengulas laporan akhbar Harakah keluaran hari ini, beliau berkata, Kementerian sentiasa mengambil berat nasib penduduk setinggalan yang kebanyakannya terdiri daripada warga Indonesia.

Azmi berkata, pada 26 Dis lalu, kira-kira 50 penduduk kampung itu menemuinya untuk merayu supaya pemaju terbabit dapat bertolak ansur ketika menjalankan kerja-kerja membangunkan kawasan itu.

Menurut beliau, hasil pertemuan itu, beliau telah meminta pemaju terbabit menangguhkan kerja-kerja merobohkan rumah-rumah setinggalan di situ sepanjang Ramadan.

Bagaimanapun, pemaju terbabit tidak menghiraukan arahan itu dengan memulakan kerja-kerja meroboh rumah setinggalan di situ mulai 30 Dis lalu.

Sambil mengulangi kekecewaannya terhadap tindakan pemaju, Azmi berkata, beliau akan mengemukakan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Kampung itu yang diterokai kira-kira 20 tahun lalu mempunyai sebanyak 260 buah rumah dan 213 keluarga bersetuju dengan pelaksanaan projek berkenaan.

Sebanyak 47 keluarga telah membantah dan membawa perkara itu ke mahkamah sejak empat tahun lalu yang akhirnya telah memutuskan bahawa mereka tidak berhak ke atas kawasan yang akan dimajukan itu.

-- BERNAMA

RIS AD PR